



KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	SINAR HARIAN		
TARIKH	:	30/12/2019	MUKA SURAT	: 30
JABATAN	:	SPAN		
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN		

Segera daftar Skim Air Darul Ehsan

SHAH ALAM - Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor) menggesa rakyat di negeri itu segera membuat permohonan pendaftaran Skim Air Darul Ehsan yang berakhir esok.

Difahamkan, mulai Mac depan, rakyat Selangor yang gagal membuat pendaftaran skim berkenaan tidak lagi layak menerima bantuan air percuma secara automatik.

Ketua Jabatan Komunikasi Korporat Air Selangor, Abdul Halem Mat Som berkata, rakyat Selangor tidak seharusnya melepaskan peluang itu bagi membuat pendaftaran berkenaan untuk membolehkan mereka mendapat bantuan air percuma seperti biasa selepas ini.

"Skim Air Darul Ehsan ini merupakan penjajaran semula pemberian air percuma kepada kumpulan sasar terdiri daripada penduduk di negeri ini.



ABDUL HALEM

"Air Selangor menyeru agar seluruh rakyat negeri ini membuat permohonan sebelum tarikh tutup pada 31 Disember ini," katanya kepada *Sinar Harian* di sini semalam.

Sebelum ini, program air percuma Selangor telah dijangka semula bagi menilai kembali penerima yang layak mendapat inisiatif tersebut.

Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari juga menyatakan bahawa permohonan penerima yang layak bagi skim berkenaan akan diketahui pada Mac 2020 selepas proses semak silang dilakukan berdasarkan data daripada Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN).

Halem berkata, penduduk yang ingin membuat pendaftaran boleh melayari laman sesawang www.ssipr.selangor.gov.my bagi mendapatkan maklumat lanjut.